

MAHATHIR - RUNDINGAN

(I)

OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN

1984

CANBERRA, 9 OGOS (BERNAMA) -- MALAYSIA DAN AUSTRALIA TELAH MENGENALPASTI BIDANG-BIDANG KERJASAMA YANG DAPAT MENINGKATKAN HUBUNGAN EKONOMI DAN PELAJARAN.

INI DICAPAI DALAM RUNDINGAN PUSINGAN PERTAMA ANTARA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, YANG BERADA DI SINI DALAM RANGKA LAWATANRASMI ENAM HARI, DAN RAKAN SEJAWATNYA DARI AUSTRALIA ENCIK BOB HAWKE DI RUMAH PARLIMEN SEJURUS SELEPAS KETIBAAN PEMIMPIN MALAYSIA ITU.

- KEDUA-DUA PENIMPIN MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA DUA HALA TERMASUK=

+SOAL MENUBUHKAN PROJEK-PROJEK USAHASAMA UNTUK PENGELUARAN KOMPONEN AUTOMOBIL OLEH KEDUA-DUA NEGARA=

+CADANGAN AUSTRALIA UNTUK MENAIKKAN TARIF KEATAS PENDINGIN HAWA BUATAN MALAYSIA=

+MASALAH-MASALAH BERKAITAN DENGAN BAYARAN TAMBANG DAN PERKAPALAN=

+PERKARA-PERKARA PELAJARAN BERHUBUNG DENGAN PENGAMBILAN PARA PELAJAR MALAYSIA KE AUSTRALIA, KEPERLUAN UJIAN BAHASA, BAYARAN PELAJARAN DAN PENGIKTIRAFAN INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AUSTRALIA.

RUNDINGAN TERSEBUT BERMULA DENGAN PERTEMUAN EMPAT MATA ANTARA KEDUA-DUA PERDANA MENTERI SEBELUM MEREKA DISERTAI OLEH LAIN-LAIN ANGGOTA PERWAKILAN MASING-MASING. -- LAGI  
1941MST 09 08 84

D956

U B712 BAH EMA

MAHATHIR - RUNDINGAN 2 CANBERRA

TERMASUK DALAM PERWAKILAN MALAYSIA IALAH MENTERI LUAR TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN, MENTERI PELAJARAN DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI, TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI MEGAT JUNID MEGAT AYUB (PERUSAHAAN UTAMA), DR. TAN TIONG HONG (KEWANGAN) DAN OO GIN SUN (PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN).

PERDANA MENTERI AUSTRALIA DISERTAI OLEH TIMBALANNYA, ENCIK LIONEL BOWEN, MENTERI PELAJARAN PUAN SUSAN RYAN DAN LAIN-LAIN MENTERI.

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR TAN SRI ZAINAL ABIDIN SULONG, YANG MENSIFATKAN SUASANA RUNDINGAN ITU SEBAGAI +BAIK DAN TERATUR+, BERKATA KEDUA-DUA PERDANA MENTERI AKAN BERUNDINGLAGI ESOK UNTUK RUNDINGAN PUSINGAN KEDUAYANG TIDAK DIJADUALKAN.

KATANYA RUNDINGAN HARI INI YANG TERTUMPU TERHADAP PERKARA-PERKARA DUA HALA PADA ASASNYA IALAH SAMBUNGAN RUNDINGAN YANG DIADAKAN OLEH KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU DI KUALA LUMPUR DAN PORT MORESBY.

ENCIK HAWKE MENEMUI DATUK SERI DR. MAHATHIR SEMASA LAWATAN RASMINYA KE MALAYSIA BULAN FEBRUARI DAN SEMASA MESYUARAT KEEMPAT KEWUA-KETUA KERAJAAN DI RANTAU ASIA-PASIFIK DI IBUNEGARA PAPUA NEW GUINEA. -- LAGI

MAHATHIR - RUNDINGAN 3 CANBERRA

7

TAN SRI ZAINAL MEMSIFATKAN HASIL RUNDINGAN ITU SEBAGAI MEMUASKAN.

KATANYA PARA PEGAWAT KEDUA-DUA PIHAK A K A N MENGAMBIL TINDAKAN SUSULAN TERHADAP SEMUA KEPUTUSAN YANG DICAPAI OLEH KEDUA-DUA PEMIMPIN.

RUNDINGAN PUSINGAN KEDUA ESOK DITETAPKAN SENDIRI OLEH KEDUA-DUA PERDANA MENTERI KERANA MEREKA MERASAKAN MASIH ADA PERKARA YANG BELUM DISENTUH DISEBABKAN KESUNTUKAN MASA.

DALAM PERBINCANGAN HARI INI, PEMIMPIN AUSTRALIA X T U MEMBERI TAKLIMAT KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR TENTANG LANGKAH-LANGKAH YANG TELAH DIAMBIL OLEH KERAJAANNYA SEJAK PERTEMUAN TERAKHWR MEREKA DI KUALA LUMPUR.

MENGENAI CADANGAN USAHASAMA, ENCIK HAWKE MEMBERITAHU D A T U K SERI DR. MAHATHIR BAHAWA CANBERRA MASIH MEMERLUKAN MASA UNTUK MENGAJI PERKARA ITU.

BELIAU JUGA BERKATA KERAJAANNYA TELAH MEMUTUSKAN UNTUK MENARIK SEMULA CADANGAN MENAIKKAN TARIF KE ATAS PENDINGIN HAWA BUATAN MALAYSIA BERIKUTAN TUNTUTAN DARI KUALA LUMPUR.

M E N Y E N T U H TENTANG PERKAPALAN, KEDUA-DUA PERDANA MENTERI BERSETUJU Y A N G MALAYSIA DAN AUSTRALIA TIDAK MENDAPAT PERKONGSIAN SECUKUPNYA DARI DAGANGAN ITU. - - - LAGI  
1957MST 09 08 84

D962

U B715 BANEMA  
MAHATHIR - RUNDINGAN 4 CANBERRA

KEDUA-DUA PIHAK, TAMBAHNYA AKAN BERUSAHA MEMPERBAIKI KEADAAN MENERUSI RUNDINGAN DENGAN NEGARA-NEGARA KETIGA TERMASUK SINGAPURA DAN INDONESIA.

T A N S R I ZAINAL BERKATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGAMBIL KESEMPATAN ITU UNTUK MENYUARAKAN PERHATIAN BERATNYA TERHADAP RADAR BAYARAN TINGGI PENGANGKUTAN PERKAPALAN ANTARA PULAU.

BELIAU MEMBERIKAN CONTOH BAHAWA BAYARAN PERKAPALAN ANTARA KOTA KINABALU DAN PELABUHAN KELANG SAMA TINGGINYA D E N G A N KADAR ANTARA PELABUHAN KELANG DAN NEWYORK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MERASAKAN INI A D A KAITANNYA DENGAN REKABENTUK FISIKAH KAPAL-KAPAL YANG TIDAK SESUAI BAGI KEGUNAAN A N T A R A PULAU.

BELIAU MEMINTA AUSTRALIA MENJALANKAN KAJIAN KEMUNGKINAN K E - ATAS PERKARA ITU DEMI KEPENTINGAN BERSAMA DAN ENCIK HAWKE TELAH MENYATAKAN KESEDIAANNYA BERBUAT DEMIKIAN.

LAIN-LAIN ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM RUNDINGAN ITU IALAH YANG BERSANGKUTAN DENGAN SOAL BIJIH TIMAH DAN MINYAK SAWIT.

MENGENAI PELAJARAN, MEREKA BERSETUJU SUPAYA MENTERI PELAJARAN MADING-MADING BERBINCANG LEBIH LANJUT..

DATUK ABDULLAH DAN PUAN RYAN JUGADIJADUALKAN BERTEMU ESOK. --BERNAMA